

Tangani masalah tandas awam berbau

MELAKA - Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron (**gambar**) memberitahu, bilangan aduan bau kurang menyenangkan di tandas-tandas awam termasuk rumah ibadat di negeri ini bertambah, sekali gus perlu ditangani segera.

Sehubungan itu, Idris telah mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini supaya melakukan pemantauan ke atas semua tandas awam di Melaka bagi memastikan ia berfungsi dengan baik, bersih dan bebas bau busuk.



Katanya, satu seminar berkaitan pembinaan tandas yang sempurna turut dicadangkan diadakan di negeri ini melibatkan PBT, Jabatan Kerja Raya dan kontraktor berkaitan.

"Perkara ini (rungutan) telah dibincangkan secara terperinci di dalam mesyuarat Exco dan kita mendapati ada sesetengah daripadanya tidak mengikut prosedur yang ditetapkan termasuk sistem pengudaraan yang tidak berfungsi.

"Dalam sesetengah keadaan, ada tandas awam yang bersih tetapi baunya tidak menyenangkan. Saya mencadangkan PBT dan JKR menganjurkan kursus kepada kontraktor yang melayakkan mereka mendapat tender membina tandas awam," katanya pada sidang di sini semalam.